



Centre For Islamic Development Management Studies
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam
(ISDEV)



CALL FOR PAPERS

INGRAW 2013

The 8th ISDEV International Graduate Workshop 2013

30 - 31 October 2013

USM Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

**PENGURUSAN KEWANGAN MASJID : AKAUNTABILITI MASJID DI MANADO,
INDONESIA¹**

Deicy Natalia Karamoy²

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang
Tel : +60165214910
E-mel: risto71@yahoo.com

Fakultas Hukum, Universitas Sam Ratulangi
Manado, North Sulawesi, Indonesia

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji amalan pengurusan dana-dana masjid di Manado. Untuk menentukan pengurusan kewangan masjid menjadi baik, terkawal dan sesuai peraturan, maka pengurusannya mesti berakauntabiliti. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti pengurusan kewangan dan kaitannya terhadap akauntabiliti. Untuk menyelidiki, kajian ini dilakukan dengan reka bentuk kajian kualitatif dan analisis data dalam bentuk deskriptif. Masjid yang diselidik sebanyak 11 masjid yang dipilih berdasarkan kriteria saiz dan kapasiti masjid di Manado. Dapatan kajian adalah secara umumnya pengurusan kewangan masjid-masjid di Manado masih dilakukan dengan cara konvensional dan tradisional. Maksudnya adalah pengurusan kewangan tidak dilakukan dengan sebagaimana mestinya dan sesuai dengan syariah Islam. Pengutipan, perbelanjaan dan perekodan kewangan masjid didapati banyak yang tidak memenuhi kriteria yang berakauntabiliti. Oleh itu kesannya, banyak masjid tiada maklumat rekod dana masjid, beaya operasi masjid yang kurang mencukupi dan sebagainya. Perkara ini disebabkan kurangnya kesedaran pengurus masjid dalam mengelola dana dan institusi masjid. Oleh itu, diharapkan kepada pihak pengurus masjid-masjid di Manado untuk mempertingkatkan cara pengurusan kewangan serta pengurusan masjid menuju pengurusan insaniah yang berakauntabiliti.

Kata Kunci : Pengurusan kewangan, Masjid, akauntabiliti, Manado.

¹ Kertas dibentangkan dalam INGRAW 2013.

² Pelajar ijazah Doktor Falsafah Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam (PPI), Universiti Sains Malaysia

LATAR BELAKANG KAJIAN

Untuk dapat menjalankan sepenuhnya peran dan fungsi masjid pada masa ini, harus juga diketahui bagaimana masjid difungsikan pada masa Nabi Muhammad SAW. Antara peran dan fungsi masjid pada masa itu ialah sebagai tempat beribadah, sebagai tempat pertemuan, sebagai tempat konsultasi, sebagai tempat kegiatan sosial, sebagai tempat pengobatan orang sakit dan sebagai tempat pembangunan jamaah dan dakwah Islamiyah (Ismail & Castrawijaya, 2010).

Oleh itu, untuk mempertahankan peranan masjid yang demikian besar khususnya dalam proses pembangunan jamaah, diperlukan suatu sistem pengelolaan masjid yang professional dan bertanggung jawab dalam melaksanakan tugasnya, sehingga dapat memakmurkan masjid. Bahagian terpenting dalam melakukan pengelolaan masjid ialah dalam hal pengurusan kewangan.

Pengurusan kewangan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti (kebertanggungjawaban). Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Walaupun setakat ini tiada laporan mengenai salah laku pengurusan kewangan di dalam organisasi Islam, ianya tetap perlu diberi perhatian sama ada organisasi Islam mengalami masalah dalam isu akauntabiliti.

Pengurusan kewangan yang mantap adalah penting bagi memastikan sesebuah organisasi dapat melaksanakan aktiviti yang dirancang berjalan dengan baik. Sehubungan dengan itu, sebagai sebuah institusi yang mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan modal insan di Manado, Indonesia, masjid perlu mempunyai pengurusan kewangan yang mantap. Pengurusan kewangan merupakan satu proses membuat keputusan (*decision making*) yang melibatkan perancangan, perolehan dan penggunaan sumber atau dana bagi memastikan tercapainya objektif sesuatu organisasi (Baker, 1987). Sebagai sebuah organisasi yang tidak berteraskan laba atau keuntungan, pengurusan institusi masjid seharusnya menggunakan sumber yang ada bagi menyediakan aktiviti yang memberikan manfaat dan kepuasan kepada pelbagai pihak yang berkaitan (*multiple stakeholders' utilities*) (Baker, 1987).

Terdapat tiga faktor utama yang mendorong kepada kajian ini. Pertama, kedudukan masjid sebagai sebuah organisasi dalam pembentukan masyarakat Islam. Walaupun pada masa ini masjid tidak lagi digunakan sebagai pusat pentadbiran, tetapi fungsinya sebagai penjana pembangunan insan terus menyelerah.

Masjid di Manado seringkali digunakan untuk menyalurkan polisi kerajaan yang bertujuan memperkukuhkan nilai Islam. Ini memberi satu keunikan kepada masjid yang dianggap sebagai sebuah institusi Islam yang menjalankan aktiviti ritual atau keagamaan tetapi pada masa yang sama menguruskan dana. Ia sekaligus menjadikan masjid seperti institusi Islam yang lain seperti *waqaf*, *zakāh* dan *baitul māl* yang terlibat dalam pengurusan dana bagi tujuan pembangunan ummah.

Sehubungan itu, masjid seharusnya menjadi contoh kepada organisasi Islam yang lain dalam pelbagai aspek termasuklah pengurusan kewangan. Secara umumnya masjid-masjid di Manado adalah sebahagian daripada sektor awam iaitu tidak menerima peruntukan kerajaan untuk membiayai operasinya. Oleh yang demikian, tugas daripada masjid sepatutnya mengamalkan pengurusan kewangan yang berkesan sebagai bukti kebertanggungjawaban

mereka kepada umum. Kajian ini juga dibuat bertujuan untuk memahamai dengan lebih mendalam amalan pengurusan kewangan di dalam organisasi berteraskan agama di Manado.

Manakala institusi yang melakukan pengelolaan masjid tersebut adalah Badan Takmir Masjid, mereka dilantik oleh pihak kerajaan dan bertanggung jawab terhadap dana-dana masjid. Pengurusan kewangan masjid adalah salah satu isu utama yang menarik perhatian ramai orang. Amalan pengurusan kewangan yang baik bukan sahaja dinilai dari segi merekod dan melaporkan transaksi kewangan tetapi juga bagaimana mendapatkan dan mengurus dana dengan berkesan.

Menurut data Kementerian Agama (2010), terdapat lebih daripada 700 ribu masjid yang ada di Indonesia dan ia merupakan terbanyak di dunia. Bilangan yang banyak ini dijangka menimbulkan masalah dalam pengurusan masjid, khususnya dalam pengurusan dananya. Oleh itu, diperlukan undang-undang yang dapat mengawal badan pengelolaan Masjid.

Mengelola masjid pada masa ini memerlukan ilmu dan kepakaran pengurusan, oleh itu Pengurus masjid (takmir) harus mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Untuk mencapai pengelolaan masjid yang baik diperlukan perencanaan dan pengaturan yang serius, penggalan dan pengkajian sesuai dengan nilai-nilai ajaran agama Islam secara langsung dari dua sumber Nash : Al Qur'an dan Hadits (Zainal Arifin, 2012).

Merujuk keputusan Mukhtar IV Dewan Masjid Indonesia, pengelolaan masjid harus dikelola secara baik dan profesional, sesuai dengan prinsip-prinsip manajemen moden. Pengurusan masjid harus merumuskan konsep manajemen masjid sejak dari visi, misi, perancangan dan langkah-langkah strategiknya. Ianya adalah meningkatkan keimanan, ketaqwaan, akhlak mulia, dan kecerdasan umat, serta tercapainya masyarakat adil makmur yang diridhoi Allah SWT.

Ayub (1996) mempertegas bahawa setiap pengurus masjid harus mampu menyusun laporan kewangan seperti bagaimana wang masuk, dikutip dan digunakan. Kemudian laporan ditulis dan disusun secara teratur untuk dimaklumkan kepada jamaah pada masa sembahyang Jumaat.

Selain itu, di Indonesia banyak pengurus masjid tidak mengetahui jamaahnya, disebabkan mereka tidak mempunyai data rasmi daripada jamaah. Oleh itu, semua ahli jamaah suatu masjid sebaiknya perlu didaftarkan. Hal ini penting untuk mengetahui potensi umat yang sesungguhnya, termasuk kondisi sosial-ekonomi mereka. Perkara di atas bukan hanya untuk pengutipan dana, tapi juga agar tahu sesiapa sahaja ahli jamaah yang berhak menerima zakat dan sesiapa sahaja yang mendesak untuk dibantu ditingkatkan taraf hidupnya. Dengan pencatatan, akan memudahkan perancangan langkah pengembangan ekonomi keumatan, sehingga fungsi masjid sebagai pusat ibadah sosial dan pengembangan masyarakat dapat dikelola secara sepenuhnya (Ahmad Sutarmadji, 2010).

Pengurus Badan Takmir masjid-masjid di Manado menurut undang-undang yayasan diatur oleh suatu badan keagamaan (Suruhanjaya) yang terdiri daripada Badan Pelaksana, Badan Pembina dan Komisi Pengawas dengan masa memimpin selama 3 tahun.

Di Manado, pengurusan masjid dalam hal pengelolaan dana juga belum sepenuhnya diamalkan mengikut aturan yang ada, hal ini tentu sahaja akan menimbulkan pelbagai macam masalah. Pengurus tidak memahami konsep kepemimpinan yang mempunyai visi dan misi

untuk menyusun dan melaksanakan langkah-langkah strategik guna meningkatkan kesejahteraan lahir-batin ahli jamaahnya (Domu, 2011).

Menerusi hal tersebut di atas, maka kertas kerja ini akan dibahagi dalam 7 (lima) bahagian perbincangan. Antaranya adalah latar belakang kajian, akauntabiliti, pengurusan kewangan masjid, kegiatan dana masjid, kaedah penyelidikan, hasil kajian dan kesimpulan.

AKAUNTABILITI

Konsep akauntabiliti adalah menjadi asas kepada kajian ini. Konsep ini mempunyai pengertian yang sangat luas dan boleh ditafsirkan mengikut keadaan dan konteks yang berkaitan. Secara tradisi, akauntabiliti boleh ditafsirkan sebagai suatu hubungan yang wujud diantara pihak yang memberi dan menerima sesuatu kendalian (*conduct*) (Roberts and Scapens, 1985). Dari perspektif organisasi, Shahul (2000) menegaskan, akauntabiliti sebuah organisasi bukan sekadar tanggungjawab menggunakan sumber organisasi secara efektif, efisien dan ekonomi (3E) tetapi meliputi tanggungjawab menjauhi daripada segala penyalahgunaan sumber berkenaan.

Beliau seterusnya menegaskan tanggungjawab melaporkan penggunaan sumber organisasi tidak terhad kepada pemberi dana sahaja tetapi meliputi semua lapisan di dalam komuniti berkaitan. Ini adalah selaras dengan tanggungjawab sektor awam yang diberi tanggungjawab (*āmānah*) untuk mengendalikan harta awam termasuklah wang. Jones dan Pendlebury (2000) mempunyai pandangan yang sama berkaitan dengan pengurusan harta awam yang sepatutnya dilaksanakan secara efektif, efisien dan ekonomik (3E).

Dari perspektif Islam, akauntabiliti atau *ikhtisāb* membentuk satu konsep yang berhubungkait dengan konsep asas Islam yang lain seperti *Tawhid*, *Khilāfah* dan '*Adalah* (Abdalati, 1994). Konsep merupakan suatu pengakuan dan pengesahan ke Esaan Allah S.W.T. dalam sifat-Nya sebagai Pencipta dan Pemilik kuasa mutlak alam ini. Kedudukan manusia sebagai *khālifah* untuk mentadbir alam semesta merupakan satu kelebihan yang perlu diimbangi dengan konsep *āmānah*. Ini bermakna apa jua yang ada di muka bumi ini hendaklah dinikmati dan diguna pakai selaras dengan undang-undang yang ditetapkan oleh-Nya. Konsep *āmānah* ini sepatutnya membantu manusia untuk mematuhi perintah-Nya yang terkandung di dalam *Shari'ah* (Al-Faruqi, 1992). Akal merupakan satu lagi kelebihan manusia yang membantu mereka dalam membuat pilihan dalam kehidupan mereka sama ada baik atau buruk. Konsep akauntabiliti menghendaki manusia bertanggungjawab terhadap semua amalan mereka kepada Allah S.W.T. di akhirat kelak di mana amalan tersebut akan dihitungkan tanpa sebarang pengecualian. Pada dasarnya, akauntabiliti ini menghendaki setiap ummah Islam (termasuk organisasi Islam) memastikan tindak-tanduk dan amalan mereka selari dengan *Shari'ah* (Shahul, 2000).

Shahul (2000) seterusnya menjelaskan bahawa konsep akauntabiliti di dalam Islam ini tidak terhad kepada aspek spiritual atau keagamaan sahaja. Ianya boleh diperluaskan kepada aspek sosial, perniagaan serta lain-lain urusan kontrak. Kajian ini menggunakan cara ini bagi menjelaskan kedudukan hubungan akauntabiliti di dalam sebuah organisasi Islam seperti masjid.

Konsep akauntabiliti yang dimaksud ialah lebih kepada 'manusia' yang mempunyai dua hubungan akauntabiliti: akauntabiliti utama dan akauntabiliti kedua. Manusia atau lebih tepat orang Islam sebagai ahli pengurusan masjid dan penyumbang dana masjid bertindak sebagai

pemegang *āmānah* atau *khālifah*. Hubungan ini berdasarkan kepada konsep *Khilāfah* di mana manusia merupakan pemegang amanah atau *khālifah* terhadap semua ciptaan Allah S.W.T. di muka bumi ini. Hubungan akauntabiliti ini didasarkan kepada sumber utama *Shari'ah* iaitu *Al-Qur'an* dan *Hādīth*. Dengan itu, ajaran yang terkandung di dalam al-Qur'an dan *Hādīth* ini menjadi tunjang kepada kepercayaan orang Islam.

Dalam konteks pengurusan kewangan umpamanya, pihak pengurusan masjid yang berfungsi sebagai pemegang *āmānah* sepatutnya bertindak berdasarkan peraturan yang terkandung di dalam al-Qur'an dan *Hādīth*. Menurut kepercayaan orang Islam, segala tindakan atau amalan (baik dan buruk) di dunia ini direkod oleh dua malaikat tanpa pengecualian dan mereka akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya di akhirat kelak. Amalan ini menjadi bukti kepada tahap kebertanggungjawaban mereka kepada Allah S.W.T.

Hubungan akauntabiliti kedua pula adalah hubungan fizikal dan dibuktikan melalui dokumen perjanjian seperti perjanjian pekerjaan atau perjanjian pengurusan. Hubungan akauntabiliti ini juga merujuk manusia atau organisasi Islam sebagai pemegang *āmānah* atau *Khālifah*. Dana *sadaqah* yang dipertanggungjawabkan merupakan suatu *āmānah*. Pengendalian dana *sadaqah* sepatutnya dilaksanakan berdasarkan kepada ajaran al-Qur'an dan *Hādīth*. Sistem pengurusan kewangan yang berdasarkan kepada ajaran al-Qur'an dan *Hādīth* membolehkan pengurusan masjid menunaikan tanggungjawabnya kepada Allah S.W.T. dalam pengendalian dana *sadaqah* tersebut. Ini juga sekaligus membolehkan pengurusan masjid menunaikan tanggungjawabnya kepada penyumbang atau penderma malahan kepada sesiapa yang mempunyai kepentingan terhadap masjid berkenaan (*stakeholders*) yang dirujuk sebagai hubungan akauntabiliti kedua. Kesimpulannya, hubungan akauntabiliti utama dan kedua ini seharusnya mendorong orang Islam termasuk organisasi Islam untuk sentiasa mematuhi ajaran al-Qur'an dan *Hādīth*.

PENGURUSAN KEWANGAN MASJID

Berdasarkan kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, *Pengurusan* ialah merujuk kepada mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan dan lain-lain). Manakala kewangan bermaksud kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan. Masjid merujuk kepada bangunan khas tempat orang Islam bersembahyang.

Dana Islam dan Pelaburan Laporan 2010 dalam masa hadapan akan menangani isu-isu utama sepertimana berikut, perkembangan semasa dalam pengurusan aset Islam; aset di bawah pengurusan; pelancaran pencairan; Sukuk, komoditi, wang tunai dan hartanah; utama segmen Pelabur: Satu penilaian keutamaan dan peruntukan peralihan bagi segmen berikut: Jisim mewah, Wakaf, Takaful dan Pencen (Aljazeera Press, 2011).

Oleh itu, untuk memastikan pengurusan dana yang kemas dan teratur, Pengerusi Masjid mestilah mempunyai pengetahuan di dalam pengendalian akaun masjid. Kelayakan akademik atau pengalaman didalam pengurusan kewangan sesuatu organisasi adalah ciri-ciri yang patut ada pada ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid.

Segala urusan akaun masjid mestilah menjalani proses audit setiap tahun bagi meneliti dan memastikan bahawa segala urusan kewangan telah dilakukan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dan menepati piawaian pengendalian akaun organisasi tanpa untung (*non profit organisation*).

Memandangkan pengurusan masjid pada zaman ini lebih kompleks, pengauditan hendaklah dijalankan oleh juruaudit yang bertauliah. Akaun yang telah diaudit hendaklah dipamerkan dipapan kenyataan masjid untuk pertanggungjawapan dan penyelidikan umum.

Peristiwa tersebut jelas menunjukkan kepentingan dan keperluan pengurusan masjid secara bijaksana dalam apa-apa juga bidang untuk merealisasikan peranan institusi tersebut sebagai jantung dan nadi masyarakat Islam. Tiga jawatan yang penting dalam senarai ahli jawatankuasa masjid ialah Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Segala urusan, harta dan dana masjid adalah di bawah pengurusan mereka. Dari sudut pengurusan kewangan yang diperolehi, ianya bergantung kepada wawasan dan kesungguhan jawatankuasa yang dibentuk.

Sumber dana yang dimiliki oleh masjid adalah berbeza dengan dana yang diuruskan dalam institusi kewangan dan perbankan. Ini kerana, dana dalam institusi kewangan dipengaruhi oleh liabiliti pendeposit atau penyimpanan dan juga pemegang-pemegang saham. Oleh itu, pengurus institusi kewangan mempunyai kekangan dalam membelanja dan melaburkan wang bersesuaian dengan risiko yang dihadapi.

Sebaliknya dalam dana masjid yang dibentuk melalui kumpulan wang-wang derma dan wang sumbangan pada hari Jumaat, pengurus masjid tidak dibebani dengan liabiliti kepada penderma atau penyumbang. Namun, keadaan ini tidak menunjukkan bahawa dana masjid boleh dibelanja tanpa diuruskan secara bertanggungjawab. Ini kerana, liability tersirat yang ditanggung oleh pengurus dana masjid ini lebih besar seandainya masyarakat mengetahui berlaku penyelewengan dan salah guna kuasa. Berdasarkan kelebihan inilah, dana masjid sewajarnya digunakan untuk tujuan yang lebih meluas dan tidak tertakluk kepada aktiviti tradisional semata-mata. Ianya dapat digunakan bagi membentuk dana kelompok dan membantu usahawan khususnya usahawan muslim dalam memulakan dan mengembangkan bidang perniagaan yang bertepatan dan diperlukan oleh masyarakat Islam.

Seterusnya, pengurusan kewangan masjid yang akan diselidik dalam kajian ini ialah pada masjid-masjid di Manado. Arahkan pengurusan kewangan Masjid iaitu mengatur organisasi masjid yang meliputi kutip, simpan, guna dan rekod. Dana yang masuk dan keluar harus halal, jelas sumbernya, tercatat dengan tepat dan dilaporkan secara bertempoh. Demikian pula prosedur masuk dan keluar kewangan harus diatur dan dilaksanakan dengan baik.

Sebaiknya, masjid tidak hanya mengharapkan dana yang sifatnya pemberian (*infak, sedekah, dan lainnya*) tetapi juga mempunyai sumber penghasilan yang berasal daripada usaha produktif. Dengan kata lain, masjid harus punya unit usaha produktif yang dapat menghasilkan wang, contohnya dengan berniaga kecil yang disokong oleh institusi perantara yang ada pada masjid tersebut. Institusi perantara dapat memanfaatkan dana awam untuk menjalankan unit usahanya.

Pengurusan kewangan masjid haruslah menggunakan pengurus yang berkesan dan efisien, sehingga dapat dipertanggungjawabkan baik secara moral mahupun spiritual. Pemilihan orang-orang yang sesuai dengan kepakarannya dan mampu bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya menjadi pedoman dalam memajukan pengurusan masjid tersebut.

KEGIATAN DANA MASJID

Sumber Dana

Dana Masjid setakat ini bergantung kepada sumbangan derma melalui kutipan solat Jumaat, derma individu dan badan-badan korporat. Hasrat Jawatankuasa Masjid ialah mengusahakan sumber pendapatan yang lebih stabil dan berterusan.

Oleh itu, wang yang didermakan ini dapat dinamakan sebagai "wang jumaat". Dengan demikian itu, wang jumaat yang terdiri daripada derma, sedekah atau tabung masjid sudah sinonim dan sehati dengan masyarakat Islam pada hari ini. Dengan wujudnya situasi sebegini, jelas membuktikan bahawa institusi masjid mempunyai sumber dan dana hasil yang berterusan dan dapat digunakan untuk faedah jangka panjang El Bantanie (2009).

Kegiatan Masjid memerlukan dana yang tidak sedikit. Kurang baiknya pendanaan dapat menyebabkan terhambatnya kegiatan-kegiatan yang telah dicadangkan. Oleh itu masalah ini perlu ditangani secara serius. Beberapa kegiatan penjanaan dana dapat dilakukan, iaitu (Ismail & Castrawijaya, 2010):

Penyumbang tetap, iaitu bantuan daripada jama'ah atau pihak lain yang secara bertempoh memberikan infak dan sedekah.

Penyumbang tidak tetap, iaitu bantuan daripada pelbagai pihak yang dilakukan dengan mengajukan permohonan, misalnya kepada pejabat kerajaan, pejabat swasta, institusi penyumbang atau orang yang bersimpati.

Penyumbang bebas, iaitu bantuan yang diperoleh daripada lingkungan jama'ah sendiri atau pihak luar yang bersifat mendesak. Hal ini dilakukan dengan menyediakan Bandar Amal mahupun penjanaan dana masyarakat.

Usaha ekonomi, iaitu dana yang diperoleh dengan melakukan aktiviti ekonomi, khususnya dalam bidang perkhidmatan dan perdagangan.

Kitaran Dana

1. Pengutipan.

Kutipan dana diselaraskan oleh Pengurus Ta'mir Bidang Dana dan Perlengkapan yang berusaha memenuhi keperluan dana untuk keseluruhan aktiviti. Pengurus melakukan beberapa aktiviti cara kutipan dana, di antaranya mengajukan proposal, membuat *bandmark* amal, aktiviti perkhidmatan dan ekonomi dan sebagainya.

2. Perbelanjaan dan Perekodan.

Dana yang telah dikutip Bidang Dana dan Perlengkapan selanjutnya diberikan kepada Bendahari dengan diketahui Pengerusi. Hal ini dilakukan dengan proses Penyerahan borang dana. Selanjutnya bendahari masukan dana dan disimpan dalam laporan Kewangan Ta'mir Masjid atau Akaun Bank. Apabila disimpan dalam akaun bank, sebaiknya menggunakan Bank Syari'ah dengan Pengerusi dan atau Bendahari sebagai penandatanganan cek atau pengambil tunai.

Untuk keluaran dana perlu diperhatikan adanya kesesuaian dengan anggaran yang telah ditetapkan bagi masing-masing bidang. Bidang berkenaan mengajukan permohonan dana kepada Ketua Umum dengan mengisi borang Permintaan Wang Muka. Apabila disetujui,

selanjutnya Bendahari mengeluarkan dana sesuai yang dimintakan. Demikian pula, penggunaan dana tersebut bertanggung jawab oleh bidang yang berkenaan dalam laporan pertanggung jawaban kegiatan dengan melampirkan Laporan Kewangan, atau dipertanggung jawabkan dengan mengisi borang Pertanggung jawaban Wang Muka.

3. Pengawasan Dana Masjid.

Aktiviti pengutipan dana oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun pengelolaan dana oleh Bendahari perlu dilakukan kawalan. Hal ini dilakukan antara lain melalui:

- a. Surat bukti. Beberapa surat bukti yang boleh digunakan antara lain: resit, bil, deklarasi, kupon dan sebagainya.
- b. Surat Informasi. Informasi pengumpulan dan pengelolaan dana tiap bulan disampaikan oleh Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahari.
- c. Papan kenyataan. Maklumat kewangan Masjid yang dilekatkan pada papan kenyataan.
- d. Laporan rutin. Pengurus Bidang Dana dan Perlengkapan mahupun Bendahari menyampaikan laporan rutin pengelolaan dana pada forum Mesyuarat Agung mahupun Laporan Tahunan Pengurus, juga disampaikan dalam Laporan Pertanggungjawaban Pengurus pada saat Musyawarah Jama'ah. Kemudian terdapat Forum/Institusi pengawas. Beberapa forum atau institusi yang boleh melakukan pengawasan secara langsung antaranya, mesyuarat agung, mesyuarat *Pleno*, parlimen Syura dan musyawarah jama'ah.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini dijalankan terhadap sebelas masjid di Manado, Indonesia. Jadual 1 menyenaraikan sebelas masjid berkenaan. Kajian ini dilakukan terhadap kesebelas masjid tersebut mengikut kepada saiz dan kapasiti. Dipilihnya saiz kepada masjid yang mempunyai keluasan lebih daripada 400 meter persegi dan kapasiti masjid yang dipilih ialah yang dapat menampung jamaah lebih daripada 300 orang. Maklumat berkaitan dikumpul menggunakan kaedah temuduga bersemuka. Kaedah ini dipercayai boleh menghasilkan tafsiran yang lebih baik terutama bagi keadaan yang kurang dibuat kajian (Sogunro, 2001).

Temuduga dijalankan terhadap Pengurusi, Setiausaha dan Bendahari Masjid di Manado. Kaedah kajian penyelidikan ini mengumpulkan maklumat daripada responden adalah temu bual mendalam. Responden untuk kajian ini terdiri daripada pihak pengurusan masjid-masjid di Manado. Analisis penyelidikan akan digunakan analisis deskriptif untuk menganalisis penyelidikan ini. Penyelidikan akan terpusat mengikut kepada pengutipan, perbelanjaan dan perekodan dalam pengurusan kewangan masjid.

Dapatan penyelidikan ini, akan dianalisis sehingga ia dijangka dapat dijadikan suatu rumusan untuk menuju pengurusan insaniah menurut ke-Islaman. Diharapkan analisis tersebut akan mendapatkan cadangan pengelolaan kewangan masjid dan cadangan penyelidikan selanjutnya.

Jadual 1: Masjid-Masjid dalam Kes Kajian

No	Nama Masjid	Lokasi	Saiz	Kapasiti
1	Masjid Raya Ahmad Yani	Jl.W.R. Supratman	2,500 m ²	4,000 orang
2	Masjid Nurul Huda	Kel Ketang Baru	500 m ²	2,000 orang
3	Masjid At Taqwa	Perkamil	2,500 m ²	1,000 orang
4	Masjid Firdaus	Jl. Pierre Tendean	420 m ²	1,000 orang
5	Masjid Mashyur	Kampung Arab	500 m ²	1,000 orang
6	Masjid Jami Nurul Taqwa	Jl. Manguni Raya No. 1 Lingk. III	1000 m ²	700 orang
7	Masjid Al Munawarrah	Jl. Pogidon Raya Mahawu	420 m ²	700 orang
8	Masjid Miftahul Jammah	Boulevard	528 m ²	600 orang
9	Masjid Mizbah	Singkil Lingkungan IV	450 m ²	450 orang
10	Masjid Atta'mir	Tikala Baru Paal IV	400 m ²	400 orang
11	Masjid Baitul Ma'mud	Jl. Tuminting Lingkungan V	400 m ²	350 orang

HASIL KAJIAN

Ada pun hasil ini bukan untuk memberikan penilaian kekurangan ataupun kelebihan dalam kepengurusan masjid. Tetapi ini untuk mempelajari kondisi masa kini yang sedang berlaku dalam pengurusan masjid di Manado supaya dapat dipertingkatkan lagi dan menemukan harapan ke masa hadapan yang boleh dibuat.

Hasil penyelidikan yang dapat dilihat adalah, daripada 11 masjid yang diselidik, 8 masjid yang hanya mempunyai Badan Takmir Masjid, 2 masjid yang lengkap memiliki Badan Pengawas, Badan Pembina dan Badan Pengelola, kerana kedua-dua masjid ini mempunyai yayasan yang besar dan yayasan pendidikan.

Masjid yang mempunyai bendahari sebanyak 9 buah dan hanya 2 masjid yang tidak mempunyai bendahari. Hal ini menunjukkan bahawa pada dasarnya pengurus masjid sudah memahami fungsi pentingnya bendahari dalam suatu institusi. Walaupun rekod jarang dimaklumkan kepada jamaah mahupun dilekatkan dalam papan kenyataan, akan tetapi dengan adanya bendahari maka ia yang akan bertanggung jawab untuk semua urusan kewangan.

Dari 11 masjid, hanya Masjid Raya Ahmad Yani yang tidak mempunyai akaun bank. Tentu hal ini sangat tidak sesuai menurut undang-undang. Walaupun daripada segi keselesaan untuk mendapatkan wang yang cepat tetapi hal ini tetap tidak diperkenankan berlaku pada kondisi sekarang ini.

Daripada 11 masjid yang ada hanya 4 masjid yang menerima wakaf. Ia berupa wakaf tanah dan bangunan. Manakala zakat, keseluruhan masjid hanya menerima zakat fitrah pada masa Bulan Ramadhan dan Raya Aidul Fitri. Seterusnya dapat dilihat juga dalam Jadual 2.

Pengurusan kewangan pengutipan, perbelanjaan dan perekodan harus lebih dipertingkatkan dalam masjid-masjid di Manado terlebih lagi mesti mengikut kepada undang-undang. Seterusnya, untuk Pengurusan Badan Takmir Masjid juga lebih dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai pengelolaan dana melalui kursus-kursus mahupun pendidikan-pendidikan lainnya.

Jadual 2: Kepengurusan Masjid-Masjid di Manado

No.	MASJID	PENGURUSAN KEWANGAN				ZAKAT	WAKAF	CATATAN
		Pengutipan	Simpanan	Perbelanjaan	Rekod			
1	Masjid Raya Ahmad Yani	Ada	Tiada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Tiada	Tiada simpanan dalam akaun bank
2	Masjid Miftahul Jammah	Ada	Ada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Bangunan dan wang	Tiada rekod wang wakaf
3	Masjid Firdaus	Ada	Ada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Bangunan mengaji thn 2008	-
4	Masjid Mizbah	Ada	Tiada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Tiada	Imam sebagai bendahari
5	Masjid Atta'mir	Ada	Ada	Ada	Ada	Fitrah	Tiada	-
6	Masjid At Taqwa	Ada	Ada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Bangunan masjid	-
7	Masjid Jami Nurul Taqwa	Ada	Ada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Tiada	-
8	Masjid Baitul Ma'mud	Ada	Ada	Ada	Kalangan pengurus	Fitrah	Tiada	-
9	Masjid Al Munawarrah	Ada	Ada	Ada	Imam	Fitrah	Tiada	-
10	Masjid Mashyur	Ada	Ada	Ada	Ada	Fitrah	Bangunan Masjid	-
11	Masjid Nurul Huda	Ada	Ada	Ada	Tiada	Fitrah	Tiada	Imam sebagai Pengurus

KESIMPULAN

Memandangkan perkara di atas, maka terlihat pengelolaan dana masjid-masjid di Manado masih dilakukan dengan cara konvensional dan tradisional. Hal ini disebabkan kurang pemahannya atau kurangnya kesedaran pengurus masjid terhadap pengurusan dana dan institusi masjid. Oleh itu, perlu dialu-alukan kepada pihak pengurus masjid-masjid di Manado untuk mempertingkatkan pengelolaan dana dan pengurusan masjid di Manado.

Seterusnya, untuk Pengurus Badan Takmir Masjid juga lebih dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai pengelolaan dana melalui kursus-kursus pengurusan mahupun kursus pendidikan lainnya. Sehingga pengurusan masjid untuk menuju pengurusan yang insaniah boleh terwujud.

Penyelidikan ini akan memberikan sumbangan kepada pengurus masjid-masjid di Manado untuk lebih meningkatkan perkhidmatan kepada pengurusan suatu institusi. Walaupun, masjid-masjid yang diselidik ini sudah memenuhi populasi masjid yang dipilih berdasarkan sampel saiz dan kapasiti yang besar, akan tetapi tentu tidak dapat dijadikan generalisasi dalam keseluruhan pengelolaan dana masjid-masjid di Manado.

Secara ringkas, kajian ini mendedahkan amalan kawalan dalaman pengurusan kewangan masjid-masjid di Manado yang bertujuan memberi panduan kepada institusi masjid yang lain serta surau dalam aspek pengurusan kewangan. Walaubagaimanapun, tahap amalan sistem kawalan dalaman yang dilakukan oleh institusi masjid seperti Badan Tak'mir, Badan Pengawas dan Badan Pembina, dalam melakukan tugas seperti pengawasan fizikal, kuasa, pencatatan urusniaga kewangan, pengasingan tugas, operasi bank serta pelaporan maklumat kewangan diamalkan di masjid negeri di Manado adalah berbeza.

BIBLIOGRAFI

- Aaker, D. A, Kumar, V. & Day, G. S. (1999). *Marketing Research (6th ed)*. New York, John Wiley & Sons Inc.
- Abbas J. A. (2006). *Islamic Perspective On Management and Organization*, IIUM Journal of Economics and Management.
- Abdalati, H. 1994. *Islam in Focus*. Riyadh. Saudi Arabia: World Assembly of Muslim Association
- Al-Faruqi, I R. 1992. *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. Herndon, Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Ayub, Mohammad E. (1996). *Manajemen Masjid; Petunjuk Praktis Bagi Para Pengurus/ Penulis, Cetakan 1, Guna Insani Press, Jakarta*.
- Baker, H K. 1987. *Internal Financial Management*. Florida: Books for Professional Inc.
- Cole, R.E. (1973). "Functional Alternatives And Economic Development: An Empirical Example Of Permanent Employment In Japan", *American Sociology Review*, Vol. 38, pp. 424-38.
- Edwards, R.K. 1990. *Financial Accountability in Religious Organizations*. The National Public Accountants. Jun 1990, Vol. 35, No 1, pp16 & 18.
- El Bantanie, M S. (2009). *Zakat, Infak dan Sedekah*, Salamadani Pustaka Semesta, Bandung.
- Gondo, Gambiro, (2011). *DPR Setujui RUU Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) Menjadi Undang-Undang*, www.usdetiknews.com/read/2011/11/01

- Hidayat, T., (2000), *Bangunan Masjid Menurut Al-Quran dan Hadits*, Tesis Magister Program Pascasarjana FTSP-ITS, Surabaya.
- Irawan, P. (2007). *Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif Untuk Ilmu-Ilmu Sosial*, Departemen Ilmu Administrasi Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Indonesia.
- Ismail, A. S. & Castrawijaya, C., (2010). *Manajemen Masjid*, Angkasa, Bandung.
- Jones, R. and Pendlebury, M. 2000. *Public Sector Accounting*. Fifth Edition. Essex: Pearson Education Limited
- Khan, M.A., (1991). "The Future Of Islamic Economics", *Futures*, Vol. 23 No. 3, pp. 248-61.
- Neuman, W. L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches (6th ed)*. Allyn and Bacon, Boston.
- Palmawati, T., (2004). *Zakat dan Negara, Studi Tentang Prospek Zakat Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Dengan Berlakunya UU No. 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat*, Disertasi Doktor, Universitas Indonesia, Jakarta.
- Rido. R., Ali., (2001). *Badan Hukum dan Kedudukan Badan Hukum Perseroan Perkumpulan, Koperasi, Yayasan, Wakaf*, Penerbit Alumni, Bandung.
- Roberts, J. and Scapens, R. 1985. Accounting Systems and Systems of Accountability – Understanding Accounting Practices in Their Organizational Context. *Accounting, Organizations and Society*, Vol 10, No 4, pp. 443-456
- Sabitha Marican, (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Prentice Hall, Selangor, Malaysia
- Sat Dee. (2011). *Mosque Management: Introductory Analysis into The Rerpublic of Penang Election*, <http://satdthinks.blogspot.com/2011/06/mosque-management-introductory-analysis.html>
- Shahul, H. 2000. *The Need for Islamic Accounting: Perception of Its Objectives and Characteristics by Malaysian accountants and Academics*. Ph. D Thesis. University of Dundee.
- Sigit H.YB, (2002). *Akuntabilitas Yayasan*, Andi, Yogyakarta.
- Singarimbun, M dan Effendi, S. 1997. *Metode Penelitian Survei*, Jakarta: LP3ES
- Soeroredjo, H., (1989). *Status Hukum dari Yayasan dalam Kaitannya dengan Penataan Badan-badan Usaha di Indonesia*, Makalah. 15 Desember 1989.
- Sogunro, O A. (2001). Selecting a Quantitative or Qualitative Research Methodology: An Experience. *Educational Research Quarterly*. Vol 26, No 1, pp. 3-10
- Supardi dan Amrudin T. (2001). *Manajemen Masjid dalam Pembangunan Masyarakat, Optimalisasi Peran dan Fungsi Masjid*, UII Press, Yogyakarta.
- Untung, B., (2002) *Reformasi Yayasan dalam Perpekpektif Manajemen*, Andi Yogyakarta.
- Wijayakusuma, K. M., & Yusanto I., (2002). *Pengantar Manajemen Syariah*, Khaerul Bayan, Jakarta
- Yahya, Y. (2006). *Pengantar Manajemen*, Graha Ilmu, Jakarta.